

5



Majlis Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39

20



Ujian Merupakan Berita Gembira Bagi Hamba Yang Beriman



BERITA UTAMA

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ PERINGKAT NEGARA TAHUN 1444 HIJRAH ➤3

FEBRUARI
2023M
Rejab - Sya'bān 1444H
Tahun 35 • Bil 2

مساهمین MUSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama



Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama
Terbitan: Pusat Da'wah Islamiyah

16

INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara Tahun 2023

Bagi Bulan
Februari
39
Orang

- Majlis Mengadap kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang
- Lawatan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama ke Pusat Kursus Ibadat Haji dan Umrah
- Kunjungan Hormat daripada Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam
- 25 Peserta Musabaqah Mara ke Peringkat Akhir

- 6 Skim Galakan Khatam Al-Qur'an di Bawah Umur 10 Tahun 11
- 8 Projek Fathul Barakah 4.0 12
- 9 Halaqah Bimbingan Da'ie Kali Ke-64 13
- 13 Muallaf Tamat Skim Bimbingan Asas Muallaf 14
- 15 Ceramah Khas Sempena Sambutan Isra' Mi'raj 15
- 10 Forum Belia dan Beliananis Masjid Senegara 19



www.kheu.gov.bn



pdi@mora.gov.bn



2383996 smb: 241/242



2384008/2381293

ربنا
Ya Tuhan Kami

Doa Rabbana Dalam Al-Qur'an

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **PENOLONG PENASIHAT:** Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman, Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Hajah Suriyati binti Haji Ahmed, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan [Pemasaran] • **PENYELARAS:** Hazey Suzainah Shaya • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Qairunnisa binti Haji Jalil • Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • Azizah binti Hidup • Suriati binti Haji Ali Hussin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

Lidah Pengarang

MERAIH REDHA ALLAH & MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

18 Februari yang lalu bersamaan 27 Rejab merupakan hari kebesaran Islam iaitu Isra' dan Mi'raj yang turut disambut di negara kita dengan membawa tema "Bersabar, Berikhtiar, Bertawakkal dan Berdoa Menghadapi Ujian: Sembahyang Meraih Redha Allah." Adapun peristiwa penting dari Isra' dan Mi'raj ini ialah tentang sembahyang lima waktu yang diperintahkan daripada Allah Subhanahu wa Ta'alā yang disyari'atkan secara langsung oleh-Nya kepada Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam tanpa sebarang perantaraan. Pentingnya kita mengerjakan sembahyang lima waktu kerana ianya adalah tali penghubung di antara al-Khaliq dan hamba-Nya. Oleh itu, kita perlu memelihara hubungan tersebut dengan sehabis baik agar terus kukuh dengan mengutamakan dan mengerjakan sembahyang tanpa berlengah-lengah atau melalaikan waktu.

Dalam bulan ini juga iaitu pada tanggal **23 Februari**, kita menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-39 tahun. Tema "**Menjayakan Wawasan Negara**" masih diteruskan lagi penggunaannya seperti tema hari Kebangsaan tahun sebelum ini. Sebagai rakyat yang hidup di bumi Negara Brunei Darussalam, ianya merupakan satu ni'mat yang tidak ternilai dan perlu disyukuri lebih-lebih lagi negara kita merupakan sebuah negara yang aman makmur dan bebas daripada kekacauan, jajahan mahupun peperangan. Allah Subhanahu wa Ta'alā telah mengurniakan seorang pemimpin yang beriman dan bertaqwa yang kepimpinannya berteraskan agama Islam dengan sikap baginda yang ambil berat dan pemedulian terhadap segenap lapisan rakyatnya. Semoga kita berjaya mengekalkan keselamatan dan kemakmuran negara yang kita cintai ini sampai bila-bila dan semoga negara kita sentiasa dalam lindungan, peliharaan dan rahmat-Nya juga.

DOA MEMOHON HIDAYAH DAN PETUNJUK

رَبَّنَا وَابْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا فِيهِمْ يَتُوَلَّ عَلَيْهِمْ إِيمَانُكَ وَيُعْلَمُهُمُ الْكِتَابُ
وَالْحِكْمَةُ وَيُنَزِّلُكُمْ مِنْكُمْ أَنْتَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

MAFHUMNYA:

"Ya Tuhan kami! Utuslah kepada mereka seorang rasul daripada kalangan mereka sendiri yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat (firman-Mu) dan yang akan mengajarkan kepada mereka Kitab (al-Qur'an) dan hikmah (hukum-hakam yang terdapat di dalamnya) dan yang akan mensucikan (hati dan jiwa) mereka (daripada syirik dan maksiat). Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

Surah al-Baqarah, ayat 37

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ PERINGKAT NEGARA TAHUN 1444 HIJRAH

Oleh : Hazey Suzainah Shaya

BERAKAS, Sabtu, 27 Rejab bersamaan 18 Februari – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara bagi Tahun 1444 Hijrah. Majlis berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Isra' Dan Mi'raj Peringkat Negara bagi Tahun 1444 Hijrah.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah



AWANG Zulhafiz bin Awang Tengah dan Awang Haji Muhammad Shukri bin Haji Makbar semasa mempersembahkan bacaan al-Qur'an dan kesimpulan maknanya.

Major General (R) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan yang lain.

Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara bagi Tahun 1444 Hijrah dimulakan dengan bacaan al-Qur'an, ayat 73 hingga 78 surah al-Hajj oleh Yang Mulia Awang Zulhafiz bin Awang Tengah, johan qari Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444 dan diikuti dengan kesimpulan makna yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Muhammad Shukri bin Haji Makbar, Pembantu Pertanian Kanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Sejurus selepas itu, sembah aluan kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni



SEMBAH alu-aluan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1444 Hijrah.



PERSEMAHAN khas bertajuk 'Sembahyang Meraih Redha Allah' oleh belia dan belianwanis masjid.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1444 Hijrah.

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.

Majlis diteruskan dengan Persembahan Selawat Ibrahimiyah oleh gabungan pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd.

Kemudian diikuti dengan Ceramah Khas bertajuk "Bersabar, Berikhtiar, Bertawakkal Dan Berdoa Menghadapi Ujian: Sembahyang Meraih Redha Allah" disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame'Asr Hassanal Bolkiah.

Majlis diikuti dengan persembahan khas (sketsa) bertajuk "Sembahyang Meraih Redha Allah" oleh belia dan belianwanis Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan. Tema Majlis Sambutan Isra' Dan Mi'raj Peringkat Negara bagi Tahun 1444 Hijrah ialah "Bersabar, Berikhtiar, Bertawakkal Dan Berdoa Menghadapi Ujian: Sembahyang Meraih Redha Allah".



PERSEMAHAN Selawat Ibrahimiyah.



CERAMAH Khas disampaikan oleh Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-39

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Sya'ban bersamaan 22 Februari

- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isya' Berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke 39, Tahun 1444H/2023M yang telah diadakan di Masjid Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Berangkat sama ialah Paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berserta Kerabat Diraja dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat dan seterusnya memimpin bacaan surah Yasin beramai-ramai.

Bagi memberkati majlis, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar. Sejurus itu, azan Isya' dikumandangkan oleh Yang Mulia Begawan Mudim Haji Awang Suhaili bin Haji Kalong, dan seterusnya sembahyang Fardhu Isya' berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Mustafa bin Haji Murat, Pegawai Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isya' Berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan ke-39, Tahun 1444H/2023M juga telah diadakan serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan mengikut daerah-daerah.



ANTARA yang turut hadir di majlis tersebut.

MAJLIS MENGADAP KEHADAPAN MAJLIS KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



MAJLIS Mengadap Kehadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatudin Al-Mustafa Billah Shah bertempat di Istana Abdul Aziz, Indera Mahkota, Kuantan, Pahang.

PAHANG, Rabu, 10 Rejab bersamaan 1 Februari – Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam yang mengetui rombongan daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam (BTHMUI) Negara Brunei Darussalam dalam siri kunjungan hormat dan rundingan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama Bersama Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam [BTHMUI] ke Negara Malaysia dan Republik Singapura telah berkesempatan mengadakan Majlis Mengadap Kehadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatudin Al-Mustafa Billah Shah bertempat di Istana Abdul Aziz, Indera Mahkota, Kuantan, Pahang.



SESI rundingan kerjasama KHEU dan Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam bersama dengan Ahli-ahli Majlis Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).



ANTARA yang turut hadir dalam mesyuarat tersebut.

dan peluang kerjasama dalam bidang berkaitan zakat, waqaf, wasiat dan baitulmal terutama dalam mengenal pasti amalan-amalan terbaik dalam hal ehwal pentadbiran, pengurusan sumber tenaga manusia, struktur organisasi, kewangan, perundangan, mekanisme kutipan dan agihan Zakat Pendapatan dan Zakat Harta, Akreditasi Tauliah Mengajar Ugama dan Program Pengupayaan Asnaf.

Tinjauan lawatan dan rundingan kerjasama turut mensasarkan beberapa entiti/anak syarikat Majlis Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia dan Republik Singapura bagi mengadaptasi pelaksanaan urustadbir struktur organisasi dan

fungsi korporat pengurusan waqaf dan baitulmal serta meneroka prospek kerjasama dan mendapatkan maklumat ekslusif mengenai projek-projek waqaf dan baitulmal di luar negara, sekali gus dapat mencapai matlamat strategik Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam dalam usahanya bagi meningkatkan kualiti dan produktivitinya dalam mengembangkan hartanya melalui horizon pelaburan yang patuh syaria' agar sentiasa relevan dengan peredaran zaman, keperluan semasa dan kesesuaian di Negara Brunei Darussalam.

Ahli-ahli rombongan adalah terdiri daripada para pegawai dari



BERGAMBAR ramai rombongan KHEU bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Hassanal Ibrahim Alam Shah.

Kementerian Hal Ehwal Ugama, iaitu Yang Mulia Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Perundangan Islam, Yang Mulia Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam, selaku Ketua Kerja, dan Yang Mulia Awang Ariffin bin Dato Paduka Haji Abu Bakar, Ketua Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Mesyuarat di Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei. Turut menyertai rombongan, Yang Mulia Dr. Haji Mohd Aidil Yusrie bin Haji Shari, Ketua Sukuk Financing Office, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, selaku wakil Ahli Kumpulan Fokus bagi Projek Pemerkaasan Wakaf, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Manakala Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam diwakili oleh Yang Mulia Awang Haji Noor Hadi bin Haji Noor Kaseh, Pengarah Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam, Yang Mulia Dayang Siti Norhamizah binti Haji Abdul Hamid, Pengurus Kewangan Kanan, Seksyen Kewangan, BTHMUI, Yang Mulia Dayang Siti Norhafizah binti Haji Abu Bakar, Pengurus, Seksyen Pelaburan, Perdagangan dan Pemasaran, BTHMUI dan Yang Mulia Awang Mohammad Adika bin Mohammad Yusof, Pengurus, Seksyen Pelaburan, Perdagangan dan Pemasaran, BTHMUI. ■

LAWATAN TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL UGAMA KE PUSAT KURSUS IBADAT HAJI DAN UMRAH

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan lawatan ke dua buah pusat kursus ibadat haji dan umrah bagi musim haji tahun 1444H/2023M.

BRUNEI MUARA, Jumaat, 3 Sya'ban bersamaan 24 Februari –

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama telah mengadakan lawatan ke dua buah pusat kursus ibadat haji dan umrah bagi musim haji tahun 1444H/2023M iaitu di Sekolah Ugama Sungai Besar, Kampong Sungai Besar dan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Kampong Perpindahan Berakas, Daerah Brunei dan Muara.

Antara lain tujuan lawatan tersebut diadakan adalah untuk meninjau lebih dekat perlaksanaan kursus ibadat haji dan umrah secara teori yang diberikan kepada bakal jemaah haji yang terpilih untuk menunaikan ibadat haji bagi musim haji tahun 1444H/2023M dan memastikan kursus tersebut berjalan dengan lancar.

Selain itu, lawatan tersebut juga bertujuan untuk bersemuka dan berinteraksi secara langsung dengan guru-guru pengkursus dan bakal

jemaah haji yang terpilih serta memastikan bakal jemaah haji diberikan ilmu manasik haji dengan lengkap dan teratur.

Turut serta dalam lawatan tersebut, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Awang Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Seramai 103 orang bakal jemaah haji (iaitu 42 orang lelaki dan 61 orang perempuan) mengikuti kursus di Sekolah Ugama Sungai Besar, Kampong Sungai Besar. Manakala di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Kampong Perpindahan Berakas pula seramai 150 orang bakal jemaah haji (terdiri 71 orang lelaki dan 79 orang perempuan) mengikuti kursus berkenaan.

Kursus ibadah haji dan umrah bagi musim haji tahun 1444H/2023M

bagi bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam diadakan secara serentak di keempat-empat buah daerah bermula hari Jumaat, 27 Januari 2023 dan akan berakhir pada 5 Mac 2023. Kursus tersebut diadakan pada setiap hari Jumaat dan Ahad sebanyak 12 sesi bermula jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi dan dikendalikan oleh Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah.

Para pengkursus ibadat haji yang terpilih adalah terdiri daripada guru-guru ugama terlatih dan pegawai pelajaran, Jabatan Pengajian Islam, pensyarah daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama (KUPU SB), para pegawai dan imam-imam dari Jabatan Hal Ehwal Masjid, para pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Pusat Da'wah Islamiah, serta para pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama. ■

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA TIMBALAN PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



YANG Mulia Puan Nur Ezira Mahadi bergambar ramai semasa mengadakan kunjungan hormat.

BERAKAS, Isnin, 29 Rejab bersamaan 20 Februari – Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam telah menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Puan Nur Ezira Mahadi bertempat di Pejabat Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Hadir sama pada kunjungan hormat tersebut ialah Yang Mulia Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Perundungan Islam dan Yang Mulia Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim, Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS dan Yang Mulia Pengiran Muhammad Azrin bin Pengiran Jarail, Pegawai di Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama. ■



SESI bergambar ramai.

25 PESERTA MUSABAQAH MARA KE PERINGKAT AKHIR

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



TETAMU kehormat majlis semasa menyampaikan cenderamata dan sijil kepada peserta musabaqah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Rejab bersamaan

16 Februari – Seramai 25 orang dari 60 orang peserta yang telah bertanding di Musabaqah Menghafaz al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah yang berlangsung selama tiga hari berturut-turut bermula hari Selasa, 14 Februari hingga hari Khamis, 16 Februari 2023M, telah berjaya mara ke peringkat akhir dan seterusnya akan bertanding di Musabaqah Menghafaz al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah.

Keputusan tersebut diumumkan oleh Pengerusi Jemaah Hakim Musabaqah, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Hashim bin Haji Abdullah di majlis pengumuman keputusan Musabaqah Menghafaz al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah pada petang tadi bertempat di Dewan Kuliah, Institut Tahfiz al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya berkesudian untuk menyampaikan cenderamata kepada para peserta musabaqah dan hakim-hakim musabaqah ialah Yang Mulia Awang Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatiyah yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Manan bin Haji Osman, Imam Tingkat I, Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Musabaqah Menghafaz al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah.

Acara diteruskan dengan pengumuman keputusan Musabaqah Menghafaz al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah oleh pengerusi jemaah hakim, diikuti dengan penyampaian

cenderamata dan sijil kepada para peserta dan jemaah hakim.

Terdahulu, di sebelah pagi telah berlangsung Musabaqah Menghafaz al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah bagi Kategori 'A', yang mana seramai 12 orang peserta telah memperdengarkan hafazan mereka. Antara objektif musabaqah ini diadakan adalah untuk mengalakkan umat Islam di negara ini agar berjinak-jinak mencintai al-Qur'an melalui hafazan dan menjadikannya sebagai amalan harian.

Ianya juga bertujuan untuk menambahkan lagi para huffaz di negara ini di samping mendapatkan pahala dan ganjaran dari Allah Subhanahu wa Ta'ala dan mendorong serta membantu para peserta dan orang ramai untuk memahami maksud yang terkandung dalam al-Qur'an antaranya fakta-fakta surah, nashiat, pengajaran dan hukum-hukum tajwid. ■

SKIM GALAKAN KHATAM AL-QUR'AN DI BAWAH UMUR 10 TAHUN

Oleh : Dahlan Chuchu



TETAMU kehormat majlis, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan menyampaikan sijil kepada peserta Skim Galakan Khatam al-Qur'an di bawah Umur 10 Tahun bagi sekolah-sekolah ugama dan Arab.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Sya'ban bersamaan 25 Februari

– Jabatan Pengajian Islam melalui Bahagian Kokurikulum telah mengadakan majlis penyampaian hadiah Skim Galakan Khatam al-Qur'an di bawah umur 10 tahun bagi sekolah-sekolah ugama dan Arab. Majlis diadakan di Auditorium I, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampong Katok.

Skim Galakan Khatam al-Qur'an di bawah umur 10 tahun merupakan galakan kepada murid-murid agar mempelajari al-Qur'an dan peringkat usia yang paling muda. Ianya juga sebagai dorongan kepada murid-murid untuk menghafaz bacaan al-Qur'an 30 juz sebelum mencapai umur 10 tahun serta menjadikan budaya membaca al-Qur'an sebagai amalan berterusan sepanjang hayat. Tahun ini merupakan kali ke-31 majlis tersebut diungkayahkan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis petang itu dimulakan dengan bacaan surah al-Fatiyah dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Abdul Razak bin Haji Md Daud, Penolong Pegawai Pengajian Islam, Kawasan Brunei I dan diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Mariana binti Hj Jamil, Pemangku Penolong Pengarah Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Islam, selaku Timbalan Pengerusi Majlis.

Seterusnya, ucapan dari Yang Mulia Tetamu Kehormat Majlis dan selepas itu majlis diteruskan lagi dengan pengumuman keputusan serta ulasan hakim oleh Yang Mulia Awang Haji Abdullah bin Haji Sahat, Ketua Unit al-Qur'an,

Bahagian Kenaziran. Majlis diserikan dengan persembahan bacaan al-Qur'an oleh peserta Skim Galakan Khatam al-Qur'an disusuli dengan penyampaian sijil kepada peserta-peserta khatam yang disempurnakan oleh Yang Mulia Tetamu Kehormat.

Seramai 168 orang murid telah mendaftar masuk di peringkat saringan. Bagaimanapun, hanya 34 orang murid sahaja yang terpilih ke peringkat akhir negara. Dari jumlah yang terpilih itu, Kawasan Brunei IIA dari Daerah Brunei dan Muara mencatat kemasukan tertinggi ke peringkat akhir iaitu seramai 9 orang murid, diikuti dengan Kawasan Brunei IV, seramai 7 orang murid. ■

PROJEK FATHUL BARAKAH 4.0

Oleh : Azizah Hidup



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah menyerahkan keperluan asasi kepada asnaf muallaf yang dijalankan secara pandu lalu (drive thru).

PULAIE, Sabtu, 4 Sya'ban bersamaan 25 Februari

Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Da'wah Islamiah dengan kerjasama Persatuan-Persatuan Muallaf seluruh negara telah mengadakan Projek Fathul Barakah 4.0. dengan hasrat memberi peluang kepada orang ramai memberi infaq jariah berupa keperluan asasi kepada para asnaf muallaf yang memerlukan sempena kedatangan bulan Ramadhan tahun 1444 Hijrah.

Projek tersebut dilaksanakan secara serentak di Pusat Da'wah Islamiah,

Kampong Pulaie dan Pejabat Unit Da'wah di Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong, selama dua (2) hari, bermula hari ini, Sabtu, 25 Februari 2023 hingga hari Ahad, 26 Februari 2023, mulai jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang.


Antara sumbangan yang diterima termasuk beras, gula, minyak masak, tepung, udang dan pusu kering, bawang, biskut, makanan dalam tin serta keperluan asasi yang bersesuaian.

Tujuan utama Projek Fathul Barakah 4.0. adalah bagi sama-

sama mengungkayahkan kerja-kerja berkebajikan untuk kesejahteraan para muallaf khususnya di Negara Brunei Darussalam, di samping mengeratkan hubungan ukhuwah antara persatuan-persatuan muallaf seluruh negara dengan Pusat Da'wah Islamiah. Ianya juga sebagai satu da'wah bilmal dalam memeduli perkembangan kehidupan, kebajikan serta penghayatan agama Islam asnaf muallaf di negara ini agar terus dapat melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna, lebih-lebih lagi menjelang bulan Ramadhan tahun 1444 Hijrah. ■



PEGAWAI dan kakitangan PDI Daerah Tutong menyerahkan keperluan asasi kepada asnaf muallaf.



PENYERAHAN keperluan asasi kepada asnaf muallaf di Daerah Belait.

HALAQAH BIMBINGAN DA'IE KALI KE-64

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



PENYAMPAIAN cenderahati kepada fasilitator Dr. Muhammad Zahiri bin Awang Mat yang disempurnakan oleh tetamu kehormat Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

PULAIIE, Rabu, 24 Rejab bersamaan 15 Februari

– Sebagai usaha menyelesaikan isi kandungan ceramah agar isu atau tajuk yang akan disampaikan oleh para penceramah sentiasa konsisten dan relevan dengan peredaran masa dan zaman, Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Penyebaran Da'wah (Unit Ceramah) telah mengadakan Halaqah Bimbingan Da'ie kali ke-64 sempena Sambutan Isra' dan Mi'raj bagi Tahun 1444 Hijrah bertajuk "Ke Arah Kemantapan Da'ie Yang Berkaliber." Acara diadakan di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah.

bagi halaqah tersebut, Yang Mulia Dr. Muhammad Zahiri bin Awang Mat, Dekan Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Hadir sama, selaku tetamu kehormat, Yang Mulia Ustaz Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Majlis halaqah dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah, diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada fasilitator jemputan yang disempurnakan oleh

Yang Mulia tetamu kehormat dan seterusnya sesi pembentangan dimulakan.

Intipati halaqah antara lain, menyentuh ayat al-Qur'an dan hadits Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam mengenai peristiwa Isra' dan Mi'raj, Ibrah dan pengajaran yang dapat diambil dari perjalanan Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam, antaranya, tentang kedudukan Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam sebagai insan teragung, hakikat kebenaran Isra' dan Mi'raj, kesucian Kota Madinah dan Baitulmaqdis, adab dalam kehidupan muslim, nikmat bersyukur dan juga hakikat kewajipan sembahyang serta kepentingan dalam meraih redha Allah.

Sejurus selesai pembentangan oleh fasilitator jemputan, sesi perbincangan dan soal jawab dibuka kepada para peserta dan jemputan.

Halaqah Bimbingan Da'ie kali ke-64 yang bertemakan "Bersabar, Beriktiar, Bertawakkal dan Berdoa Menghadapi Ujian: Sembahyang Meraih Redha Allah" ini diharap akan dapat mencapai objektif dan sasaran yang diharapkan, iaitu bagi memberikan ilmu pengetahuan, berkongsi isu dan bertukar-tukar fikiran berkaitan dengan tema sambutan Isra' dan Mi'raj tahun ini. ■



PESERTA dan jemputan yang hadir.

Hadir selaku fasilitator jemputan

13 MUALLAF TAMAT SKIM BIMBINGAN ASAS MUALLAF

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN,

Khamis, 11 Rejab bersamaan 2 Februari – Seramai 13 orang muallaf

lelaki telah berjaya mengikuti Skim Bimbining Asas Muallaf Siri ke-197 telah menerima sijil masing-masing pada majlis penutup yang berlangsung di Dewan Mau'izzah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta ialah Pemangku Penolong Pengarah PDI, Haji Ahmad Abdussalam @ Erman bin Haji Abdul Rahman.

Skim tersebut diadakan sebagai usaha menjaga dan memelihara kemaslahatan muallaf yang mana PDI telah menyediakan beberapa program bimbining khusus untuk muallaf seperti Bimbining Pengenalan Islam, Bimbining Bergerak, Skim Bimbining Asas (Melayu), Skim Bimbining Asas (Inggeris), Skim Bimbining Lanjutan akidah, ibadah dan akhlak serta Skim Bimbining Lanjutan II.

Selain itu, para muallaf juga boleh mengikuti Kelas Bimbining Muallaf pada setiap Jumaat bagi Daerah Ain dan Kifayah iaitu Iqra, Hafalan, Brunei dan Muara, manakala bagi Daerah Tutong, Belait dan Temburong



SALAH seorang peserta skim menerima sijil daripada tetamu kehormat majlis.

mengikut jadual yang telah disediakan. Antara objektif skim berkenaan adalah untuk memberi bimbining kepada muallaf dalam menghalusi dan meningkatkan lagi ilmu pengetahuan agama Islam terutama dalam bidang akidah, ibadah dan akhlak.

Skim yang berlangsung selama 14 hari bermula pada 17 Januari hingga 2 Februari itu diisi dengan asas Fardu Ain dan Kifayah iaitu Iqra, Hafalan,

Islam, Makanan dalam Islam, Akhlak Islam, Kebersihan dan Praktikal Penyembelihan.

Majlis anjuran PDI melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) itu turut menyaksikan tayangan video kegiatan peserta Skim Bimbining Asas Muallaf sepanjang tempoh dua minggu. ■



SESI bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

CERAMAH KHAS SEMPENA SAMBUTAN ISRA' MI'RAJ

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



YANG Mulia Ustaz Awang Muhammad Fuad bin Matahir, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah menyampaikan ceramah khas di Dewan Serbaguna Pejabat Unit Da'wah, Daerah Belait.

BELAIT, Khamis, 25 Rejab bersamaan 16 Februari – Isra' dan Mi'raj merupakan satu peristiwa yang

dianugerahkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'alā kepada Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam. Peristiwa tersebut mengajarkan kita tentang kepentingan menguatkan iman dan bertawakkal kepada Allah Subhanahu wa Ta'alā melalui ibadah yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu wa Ta'alā secara langsung kepada Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam dan umatnya iaitu ibadat sembahyang. Di samping latihan meningkatkan iman dan tawakkal kepada Allah Subhanahu wa Ta'alā, sembahyang juga salah satu cara menunjukkan rasa kehambaan kita kepada-Nya.

Demikian antara intipati ceramah khas sempena sambutan Isra' dan Mi'raj Tahun 1444 Hijrah anjuran Pejabat Unit Da'wah Belait yang diadakan di Dewan Serbaguna Pejabat Unit Da'wah, Daerah Belait.

Seramai 43 orang peserta menghadiri program ceramah tersebut terdiri kalangan pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah dan Pejabat

Unit Da'wah Belait. Diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Ustaz Awang Muhammad Nur Aisamuddin bin Muhammad Hanafi, wakil Pemangku Ketua Unit Da'wah Belait. Seterusnya ceramah khas disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Awang Muhammad Fuad bin Matahir; Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah.

Program ceramah diadakan bertujuan antara lain untuk menghayati perjalanan Isra' dan Mi'raj Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam yang berlaku pada 27 Rejab yang penuh dengan sejarah.

Di samping itu, untuk mensyukuri kebesaran dan keagungan serta kemuliaan bulan Rejab dan sekaligus mengetahui dan menghayati peristiwa di sebalik ibadat penting bagi umat Islam iaitu sembahyang. Selain itu, ianya juga diharapkan akan dapat memberi kesan yang mendalam kepada para peserta mengenai nilai-nilai Islam yang dipamerkan melalui sirah Rasullullah Shallallahu 'alaihi wa sallam. ■



PESERTA yang terdiri kalangan pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah dan Pejabat Unit Da'wah Belait, ahli-ahli Persatuan Sinar Islam dan para peserta Skim Bimbining Asas.




رَبِّنَا إِمَّا فَكَبَّنَا مَعَ الشَّهِيدِينَ

Majlis Pengislaman FEBRUARI 2023



STATISTIK PENGISLAMAN

Keramalan Orang yang Memeluk Umgama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2023




Mafhumnya:

..Ya Tuhan kami! Kami telah beriman, oleh itu tetapkanlah kami bersama orang-orang yang menjadi saksi (atas kebenaran al-Qur'an dan kenabian Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam).

Surah al Maa'idah ayat 83



Features



Sharifah Khadijah
Hussein Alkaff

THE MOTHER IN ISLAM

have more ready listeners in the form of colleagues sharing marital woes and forbidden secrets and nothing encourages a person to reveal forbidden secrets more than having a listening ear, a compassionate friend one sees on a daily basis, who also has her own tale or two to share.

THE MOTHER IN ISLAM

Perhaps greater than the honour given to wives is the honour accorded to mothers in Islam. A famous *hadits* Imam al-Bukhari narrated that Abu Hurairah reported, a man asked Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam:

"Ya Rasulullah, who among the people is the most worthy of my good companionship?" The Prophet said, "Your Mother." The man asked: "Who is next?" The Prophet said, "Your Mother." The man asked again: "Who is next?" The Prophet said, "Your Mother." The man asked: "Who is next?" The Prophet said, "Your Father."

And we all know an equally famous *hadits* that states that Paradise is at the feet of the mother. Why at her feet? Why not in her hand or by her side? Surely this is to show the great honour Islam has bestowed on mothers and on the female race.

Have we ever reflected, for example, on the honourable name given to a part of our body, which is one of the names of Allah Subhanahu wa Ta'alaa Himself – 'Rahim' – the name that is given for the womb, the organ responsible for giving life, examples in surah al-Baqarah verse 228, surah Aali-'Imraan verse 6 and surah an-Nisaa' verse 1.

Allah Subhanahu wa Ta'alaa did not give any of His Names to a male body part but He has honoured our womb with one of His Names, albeit with a slight difference in spelling. Shouldn't we feel humbled by such respect and honour that Allah Subhanahu wa Ta'alaa has given to us wives and mothers? Shouldn't we strive to value, appreciate, safeguard and protect our honour by doing all that He has commanded and avoiding all that He has prohibited? Not to mention the countless rewards showered on women, who by nature (due to menstruation, childbirth & breastfeeding), are unable to worship as much and as frequently as men.

After childbirth for example, not only are all her sins forgiven and she emerges as sinless as the newborn baby she has just delivered but throughout the period of *nifas* a woman continues to get the reward for prayers without having to perform them. This is on top of the extra rewards she obtains for waking up at night and breastfeeding the child, etc. It is not by accident that pregnancy and nursing are purely feminine tasks.

Allah Subhanahu wa Ta'alaa has given women the special talent and the psychological make-up needed to take care of children. There is no substitute for a mother's milk or a mother's love. No one can extract a bottle of motherly compassion. Her patience, kindness, willingness to sacrifice her own comforts, and her natural affinity for children -- and the children's natural affinity for the mother-- are the key to the successful upbringing of children. A mother understands the children's problem even when they cannot express it. She can uniquely sense their needs, both physical and emotional and can satisfy some of these needs, even the father needs her insights in discharging his responsibilities in this area. No day care centre or nursery can make up for the absence of the mother. Motherhood is therefore a special role that Allah Subhanahu wa Ta'alaa has created for us women and where do we best fulfill this role? Naturally, in our homes.

Maksud

Dalam bahasa Arab, fidyah bermaksud mengganti atau menebus. Maksud fidyah dalam hal puasa ialah bayaran denda kerana tidak berpuasa Ramadhan dengan sebab-sebab tertentu atau kerana melambat-lambatkan mengqadha puasa Ramadhan hingga masuk Ramadhan berikutnya.

Diwajibkan Fidyah

- Warga tua yang sudah tidak berupaya berpuasa.
- Sakit kronik dan tiada harapan untuk semuh.
- Wanita yang mengandung atau menyusukan anak.
- Musafir atau sakit dan tidak qadha' puasa pada tahun ia ditinggalkan.
- Melambatkan ganti puasa (qadha') sehingga datang Ramadhan berikutnya.

Surah al-Baqarah ayat 184 mahfumnya:

"laitu beberapa hari yang tertentu. Maka sesiapa antara kamu yang sakit atau dalam musafir (bolehlah dia berbuka, jika dia berbuka) maka wajiblah dia berpuasa sebanyak (hari yang dia berbuka) iaitu pada hari-hari yang lain. Dan wajib ke atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Tetapi sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih daripada yang ditentukan itu maka itu adalah suatu kebaikan baginya dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada membayar fidyah), jika kamu mengetahui."

FIDYAH



PETIKAN TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DANYANG DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
SEMPENA MENYAMBUT
ISRA' MI'RAJ 1444H/2023M



'TAQWA: KUNCI KEJAYAAN ORANG-ORANG BERIMAN'

"...Ikran kita yang kita ucapkan pada setiap hari dalam doa iftitah berasal daripada surah al-An'aam, ayat 162 tafsirnya: "Katakanlah: Sembahyangku sesungguhnya dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah,

Tuhan Pencipta dan Pentadbir seluruh alam."

Beta penuh yakin, inilah kunci kejayaan orang-orang beriman. Apabila kita menyandarkan semua amal perbuatan kita semata-mata kepada Allah, maka Allah akan menyediakan jalan terbaik untuk kita.

"Bagaimakah cara kita menyandarkan semua amal perbuatan kepada Allah itu?

Caranya ialah dengan memastikan bahawa semua amal perbuatan itu adalah berstatus 'taqwa'..."

| Program Keugamaan Belia |

FORUM BELIA DAN BELIAWANIS MASJID SENEGARA

BELAIT, Ahad, 5 Sya'ban bersamaan

26 Februari – Kumpulan Belia Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Pandan, Daerah Belait dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Tertinggi Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid Senegara telah mengungkayahkan Forum Belia dan Beliawanis Masjid Senegara bertajuk "Menangani Gejala Sosial Di Kalangan Belia dan Cara Mengatasinya" bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39. Acara bertempat di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Pandan, Daerah Belait.



DUA ahli panel bersama moderator membincangkan tentang gejala sosial di kalangan belia dalam forum tersebut.

Abdullah @ Lim Swee Ann, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Haji Ali, Pegawai Pelajaran Ugama selaku moderator.

Forum tersebut diadakan bertujuan untuk mengenal pasti akan gejala sosial yang sering berlaku di kalangan belia dan cara untuk mengatasinya menurut perspektif Islam. Di samping itu, untuk meningkatkan kesedaran para belia akan kesan bahaya masalah sosial kepada masa depan mereka. Selain itu, acara juga adalah untuk memberi peluang kepada para belia berkumpul bersama-sama di dalam majlis ilmu yang bermanfaat.

Hadir selaku tetamu kehormat, Yang Berhormat Awang Mohammad bin

Ahli-ahli forum terdiri daripada Yang Mulia Mohammed Khairul Mu'az bin Haji Sibodaud, Daie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, selaku Ahli Panel Pertama. Manakala Ahli Panel Kedua, ialah Yang Mulia Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman, Penolong Profesor, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Yang Mulia Haji Mohamad Ezwan bin

أسماء الأبناء

NAMA ANAK LAKI-LAKI

Muflih Fakhry

مفلح فخرى

Yang berjaya, kemegahanku

NAMA-NAMA ISLAMI untuk anak damit

Muqsith Fayyadh

مقسط فياض

Yang Adil dan Sangat Pemurah

Mutawaffiq Fadhil

متوفق فاضل

Yang Berjaya, Mulia dan Berjasa

Dari Ibnu 'Abbas Radhiallahu 'anhuma berkata:

"Hendaklah ia mengelokkan namanya dan mengelokkan adabnya"

(Riwayat Imam al-Baihaqi)

أسماء البنات

NAMA ANAK BINI-BINI

Najmah Shafiyah

نجمة صفية

Sebutir Bintang Yang Terpilih

Naurah Syadza

نورة شذا

Bunga Yang Semerbak Harum

Nasywa Sarra'

نشوى سراء

Kegembiraan, Kebahagiaan, Kesenangan dan Kemewahan



UJIAN MERUPAKAN BERITA GEMBIRA BAGI HAMBA YANG BERIMAN

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah di Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara bagi Tahun 1444H/2023M.

BERAKAS, Sabtu, 27 Rejab bersamaan 18 Februari - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan apa pun tingkat kehidupan, kita juga tidak terlepas daripada menerima ujian. Tetapi ujian bukanlah denda, malah berita gembira bagi hamba yang beriman.

Baginda seterus bertitah, firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Baqarah, ayat 155, mafhumnya: "Dan sesungguhnya Kami pasti akan mengujii kamu dengan sedikit perasaan takut, kelaparan, kekurangan harta benda, jiwa dan buah-buahan (kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu). Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar."

"Apa yang dapat dikesan daripada ayat ini ialah perkara sabar. Manakala ada kesabaran dalam menghadapi

ujian, maka berhaklah bagi orang yang sabar itu untuk menerima berita gembira berupa ganjaran pahala dan ni'mat daripada Allah," titah baginda pada Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara bagi Tahun 1444H/2023M yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Baginda bertitah menjelaskan itulah hikmah ujian untuk melihat sejauh mana kesabaran. Sabar ertiinya teguh dan cekal hati, tidak mudah tersungkur atau mengalah, tetapi terus bangkit berusaha sambil mengambil iktibar daripada musibah yang menimpa. Kesabaran tidak akan wujud melainkan hanya berlaku dalam kalangan orang-orang yang beriman sahaja yang sentiasa mendekatkan diri kepada Allah dengan ibadat, terutama dengan ibadat sembahyang kerana ibadat sembahyang adalah pemangkin segala kesempurnaan

Menurut titah baginda lagi, selain ibadat sembahyang yang menjadi kewajiban,

menyembah Allah diisyiharkan juga sebagai wajib.

"Hanya Allah satu-satu-Nya sahaja yang wajib disembah. Dan umat yang menyembah Allah pula dicanang sebagai umat terbaik menurut al-Qur'an, sebagaimana terakam dalam surah Aali-'Imraan, ayat 110, tafsirnya: "Kamu (wahai umat Nabi Muhammad) adalah sebaik-sebaik umat yang dilahirkan untuk manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat ma'ruf dan melarang daripada melakukan mungkar serta beriman kepada Allah ..." tegas titah baginda lagi.

Dan bukan ini sahaja tambah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, bahkan segala perkara yang baik-baik dan bermanfaat, semuanya terdapat dalam al-Qur'an. Maka oleh kerana itulah barangkali, sehingga ada pihak yang tidak senang dan malah marah kepada al-Qur'an, lalu bertindak membakar atau mengoyak al-Qur'an.

"Kita tegaskan, bahawa al-Qur'an adalah Kitab Samawi yang datang langsung dari Allah. Ia bukan dikarang oleh Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam atau oleh siapa sahaja.

"Maka oleh itu, perhitungan terhadap sebarang provokatif ke atasnya, kita orang-orang Islam lebih menyerahkan perkara itu kepada siapa, pemilik kitab sendiri, iaitu Allah Subhanahu wa Ta'ala, berdasarkan firman-Nya dalam surah al-Ahzaab, ayat 57 tafsirnya: "Sesungguhnya orang-orang yang menyakiti Allah dan Rasul-Nya, Allah melaknat mereka itu di dunia dan di akhirat serta menyediakan untuk mereka azab seksa yang menghinakan."

"Inilah hakikat, yang patut difahami oleh semua warga jagat ini," ujar titah baginda lagi. ■